

# Perkenal Sijil Tahfiz Al-Quran

UniSZA iktiraf pelajar yang berjaya habiskan kursus selama enam semester itu

**GONG BADAQ** - Selari dengan imej institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang membawa imej Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) tampil memperkenalkan Sijil Tahfiz Al-Quran bermula bulan ini.

Buat permulaan, seramai 30 pelajar program ijazah sarjana muda terpilih mengikuti kursus yang memerlukan mereka menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh enam semester yang turut mendapat pengiktirafan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad berkata, kursus secara amali berpakej yang ditawarkan selama enam semester itu bermula pada semester satu setiap sesi

pengajian.

Menurutnya, bagi pelajar yang terpilih mengikuti program ini, mereka perlu menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh enam semester bagi membolehkan mereka layak menerima Sijil Tahfiz Al-Quran UniSZA.

"Sepanjang tempoh enam semester ini, kursus turut dikendalikan tenaga akademik berpengalaman dan mempunyai kepakaran dalam bidang al-Quran.

"Justeru, kita berharap dengan adanya kursus ini mampu berupaya menjadi satu flagship universiti yang diterjemahkan dalam bentuk imej dan ciri keunikan graduan UniSZA sebagai golongan profesional hufaz," katanya ketika ditemui pada majlis taklimat kursus berkenaan.



Sebahagian pelajar UniSZA yang menghadiri sesi taklimat kursus berkenaan.

Mahadzirah berkata, waktu pembelajaran bagi kursus itu akan diadakan tiga hari seminggu selama dua jam bagi setiap sesi.

"Kursus ini akan dibuat selama dua jam pada waktu malam pada setiap Ahad,

Selasa dan Khamis.

"Manakala bagi kaedah pembahagian juzuk pula adalah lima juzuk untuk setiap semester dan sehingga semester enam pelajar ini akan berjaya menghafaz sehingga 30 juzuk," katanya.

Tambahnya, mana-mana pelajar yang mengikuti kursus ini tidak khatam (tamat 30 juzuk), namun berjaya menghafaz separuh atau 15 juzuk dan ke atas akan diberikan Sijil Perakuan Hafazan Al-Quran," katanya.